| | | |
|---|---|---|
| **Rujukan** | **:** | **UKM PDF/224/3** |
| **Tarikh** | **:** | **31 Oktober 2016** |

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 7/2016**

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA**
**FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN**
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN POLISI (PINDAAN KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 7/2016 bertarikh 13 Oktober 2016 telah meluluskan pelaksanaan Polisi (Pindaan) Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih berkuat kuasa mulai **1 November 2016.**

2. Berdasarkan keputusan tersebut berikut adalah beberapa perkara yang perlu diambil perhatian berhubung kemudahan alat komunikasi mudah alih UKM:

a) **Pemansuhan Kemudahan Pembiayaan Alat;** pemansuhan ini terpakai untuk semua kategori. Pelaksanaannya adalah seperti berikut:

   1) bagi yang layak mendapat kemudahan ini berdasarkan polisi lama, tuntutan pembiayaan masih dibenarkan sehingga **31 Disember 2017** tertakluk tuntutan yang dikemukakan mencukupi tempoh kelayakan yang ditetapkan;
   2) bagi lantikan 1 November hingga 31 Disember 2016, tuntutaan dibenarkan sehingga **31 Disember 2016** sahaja; dan
   3) tiada pembiayaan bagi lantikan mulai 1 Januari 2017.

b) **Pengurangan 50% elaun bulanan;** pengurangan ini hanyalah kepada kakitangan akademik Gred 53 dan ke atas yang tidak menjawat Jawatan Pentadbiran berkuat kuasa **1 November 2016.**

3. Sehubungan dengan itu, sukacita pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan kepada staf di bawah seliaan yang layak mengenai perkara ini. Sebarang perubahan pelaksanaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan, boleh disalurkan kepada Encik Mursidi Ahamad, Pengurus Kanan, Bahagian Governan & Pentadbiran, Jabatan Pendaftar di talian 03-8921 5075 / e-mel : mcdy@ukm.edu.my dan Puan Nora Yahya di talian 03-8921 5195 / e-mel : nora85@ukm.edu.my.

Sekian, kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

*'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'*

Salam hormat,

**ABD RAZAK HUSSIN**
Pengarah Eksekutif Pentadbiran

s.k. - Naib Canselor

- Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)

- Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)

- Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)

- Puan Khalijah Hj Bakar
Pengarah Eksekutif Kewangan